

KPDNHEP mula guna IEMS periksa harga barang

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mula menggunakan sepenuhnya Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Bersepadu (IEMS) bagi melaksanakan pemeriksaan harga barang, semalam.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata menerusi sistem itu, penguatkuasaan harga barangan akan menjadi lebih tersusun manakala pelaksanaan IEMS ke seluruh negara akan dilakukan secara berperingkat.

"Pelaksanaan secara manual sebelum ini akan ditukar dengan sistem lebih kemas. Sebagai contoh dahulu penguat kuasa kepit buku kompaun celah ketiak, sekarang ia boleh dikeluarkan secara elektronik dengan alatan yang telah diprogramkan," katanya selepas melancarkan sistem IEMS, di sini, semalam.

Saifuddin berkata, sistem itu akan mengurangkan kesilapan manusia, memperkemas rekod dan mengelak persepsi negatif bahawa jumlah saman boleh dimanipulasi.

Setakat ini, sistem ini bakal dilaksanakan di enam negeri, iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka, Selangor, Perlis dan Negeri Sembilan serta dilaksana secara berperingkat di seluruh negara selepas ini.

Saifuddin berkata, Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP memeriksa antara 700,000 hingga 800,000 premis setiap tahun dan mengeluarkan kompaun antara RM3.5 juta hingga RM4 juta setahun. Kesalahan tidak mempamerkan tanda harga dan menggunakan alat penimbang lama adalah antara kesalahan paling banyak dilakukan peniaga di negara ini.

Sebanyak 16 jenis barangan dikawal harganya di bawah pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena perayaan Tahun Baharu Cina tahun ini, iaitu tambahan tiga barangan berbanding 13 pada musim perayaan sama tahun lalu.

Tiga tambahan barangan itu ialah cili merah, tomato dan ubi kentang import dari China.

Antara barangan yang tersenarai di bawah skim kawalan harga itu ialah ayam hidup, ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya), ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal), telur ayam gred A, B dan C (mengikut berat sebiji), kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing) dan bawang putih China, ikan bawal putih, udang putih besar, babi hidup, daging babi (perut) dan daging babi (daging dan lemak). BERNAMA